From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 18 July, 2022 4:58:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 7 Universiti Bakal Berentap Dalam BISC 2022

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 JULAI 2022 / 18 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"u
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee dan Aina Idriena Osman (Pelajar Pelatih dari Kolej Profesional MARA)
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

7 UNIVERSITI BAKAL BERENTAP DALAM BISC 2022



UUM ONLINE: Dalam usaha menarik penglibatan pelajar universiti dalam bidang pelaburan, Bursa Malaysia akan menganjurkan Bursa Inter-Varsity Stock Challenge 2022 (BISC) selama tiga bulan bermula 1 Ogos hingga 31 Oktober depan.

Sebanyak tujuh universiti bakal berentap dalam program tahunan tersebut iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Taylor's University, Multimedia University (MMU) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Majlis perasmian BISC telah disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah di Dewan Seminar CAS, hari ini.

Haim Hilman berkata, BISC merupakan pertandingan perdagangan saham bagi tempoh tiga bulan yang direka untuk menarik minat pelajar universiti khususnya untuk menggunakan strategi perdagangan dalam membina portfolio pelaburan dengan pulangan tinggi.

Menurutnya, lebih menarik sepanjang pertandingan itu, peserta akan mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada broker penaja selaku mentor untuk membentuk Unibroker Team.

Katanya, mentor ini akan menyediakan capaian kepada semua laporan penyelidikan dan analitik yang berkaitan, di samping melatih pasukan mengenai strategi perdagangan.

"Gunakan manfaat ini sebaiknya untuk mempelajari ilmu pasaran saham daripada pakar kerana peluang ini bukanlah mudah atau senang bagi seorang broker untuk persiapkan peserta terlibat tentang dunia pelaburan.

"Jika hendak menjadi '*extraordinary'* tidak perlu datang dari keluarga yang '*extraordinary'* tetapi dengan hanya *'attitude'* sahaja sudah mampu untuk membawa kepada penentuan masa depan. Justeru, jadikan pertandingan ini sebagai platform yang memberikan signifikan untuk menjana ilmu pengetahuan dan pastikan apa dilakukan melebihi jangkaan," katanya.

Tambah Haim Hilman, BISC memberi peluang kepada peserta khususnya pelajar UUM terlibat untuk belajar lebih awal sebelum masuk ke dunia industri tersebut.

Katanya, dari pertandingan itu, peserta didedahkan dengan persekitaran dagangan simulasi secara *'real-time'* untuk menguji kemahiran mereka, justeru lakukan yang terbaik meskipun berdepan dengan dugaan dan cabaran.

Pada masa sama, beliau berhasrat untuk mempertingkatkan lagi kerjasama strategik dengan rakan industri ke satu tahap lebih tinggi ke arah membina negara

Sementara itu, Naib Presiden Kanan, Pendidikan, Kelestarian Kumpulan, Bursa Malaysia, A. A. Deepa berkata, BISC ini bertujuan mendedahkan peserta terdiri pelajar universiti kepada dunia pelaburan dan menyediakan mereka dengan pengetahuan berkaitan peluang kerjaya dalam bidang tersebut.

Menurutnya, sebanyak empat broker penaja pertandingan akan memberi bimbingan kepada peserta sepanjang tiga bulan program tersebut berlangsung, jadi gunakan peluang ini untuk belajar dalam semua aspek agar dapat menjadi broker mahir yang berpengetahuan.

Katanya, pertandingan itu dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa pertama atau cabaran saham selama tiga bulan dan *'grand finale'* dijangka pada awal November nanti yang mana pasukan terpilih akan membentangkan prinsip dan strategi pelaburan mereka kepada panel hakim untuk dinilai.

Juara BISC akan membawa pulang wang tunai RM30,000, manakala naib juara sebanyak RM20,000 dan tempat ketiga menerima RM10,000.

Hadiah wang tunai akan didepositkan ke dalam akaun dagangan pemenang dengan broker/mentor masing-masing di mana pemenang dikehendaki membuka akaun dagangan dengan broker/mentor tersebut.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.